

InspiraSI

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة الإسلامية
سليمانية

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 51: 29 Disember 2025



Program Turun Padang KPT satukan warga kementerian, IPT dan komuniti

Serdang, 21 Disember - Program Turun Padang Bersama Warga Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berjaya menyatukan warga kementerian, institusi pengajian tinggi (IPT) serta komuniti setempat dalam usaha memperkukuh semangat kekeluargaan, kebersamaan dan kerja berpasukan.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Diraja Dr. Zambry Abd. Kadir berkata program yang berlangsung di Bukit Ekspo, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu menjadi platform penting bagi merapatkan hubungan antara kepimpinan KPT dengan warga kementerian serta keluarga masing-masing dalam suasana santai dan penuh muhibah.

Beliau berkata pendekatan turun padang yang dilaksanakan bukan sahaja membuka ruang interaksi lebih dekat, malah mencerminkan budaya kerja berpasukan yang perlu terus diperkasakan dalam perkhidmatan awam.

"Antara perkara yang saya tekankan ialah kepentingan untuk kita bekerja sebagai satu pasukan, saling menyokong dan menguatkan antara satu sama lain. Inilah semangat kekeluargaan KPT yang ingin terus saya suburkan dan terapkan dalam budaya kerja kita," katanya ketika berucap pada program berkenaan. Program tersebut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti termasuk sukan rakyat, program melibatkan kanak-kanak serta penyediaan pelbagai juadah istimewa seperti buah-buahan tempatan antaranya durian dan manggis, sekali gus mewujudkan suasana yang harmoni dan mesra keluarga.

Dr. Zambry turut merakamkan penghargaan kepada seluruh jawatankuasa serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penganjuran program berkenaan. "Terima kasih kepada semua yang hadir dan bertungkus-lumus menguruskan program ini dengan begitu baik," katanya. Sementara itu, Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff menyifatkan penganjuran program tersebut sebagai inisiatif berkesan dalam memperkukuh hubungan silaturahim serta semangat perpaduan dalam kalangan warga pendidikan tinggi. Beliau berkata program seumpama itu mencerminkan komitmen kepimpinan KPT dalam mendekati warga IPT serta komuniti, di samping memahami keperluan dan aspirasi mereka secara lebih menyeluruh.

"Program seperti ini bukan sahaja mengeratkan hubungan antara warga kementerian dan institusi pengajian tinggi, malah menyemai nilai kebersamaan serta budaya kerja berpasukan yang amat penting dalam memacu kecemerlangan pendidikan tinggi negara," katanya. Dalam pada itu, Dr. Zambry menzahirkan harapan agar KPT akan terus melangkah ke hadapan dengan semangat baharu, idea-idea segar serta pelbagai penambahbaikan dalam landskap pendidikan tinggi negara pada tahun hadapan demi kepentingan negara dan generasi masa hadapan.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



PERKOM Unity Day dengan Pelajar Komunikasi Sosial dan Pembangunan Kandungan

Tanjong Malim, 24 Disember - Persatuan Komunikasi Sosial (PERKOM) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah berjaya menganjurkan program PERKOM Unity Day 2025 yang berlangsung dengan penuh semangat perpaduan di padang Kampus Sultan Abdul Jalil Shah. Program ini melibatkan penyertaan pelajar daripada Jurusan Komunikasi Sosial dan Jurusan Content Development, merangkumi pelajar Semester 1, 3 dan 5, sekali gus menjadi platform penting dalam menyatukan mahasiswa merentasi peringkat pengajian.

Penganjuran program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk semangat kerja berpasukan serta membina jaringan komunikasi yang lebih kukuh dalam kalangan pelajar dua jurusan tersebut. Seawal jam 8.00 pagi, para peserta mula berkumpul dengan penuh keterujaan sambil mengenakan pakaian sukan

Inisiatif TAPAU x JHEPA Galak Penggunaan Bekas Makanan, Kurangkan Plastik di Kampus UPSI

Tanjong Malim, 20 Disember - Satu inisiatif hijau hasil kolaborasi antara pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda (ISM) Komunikasi Sosial dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) UPSI telah berjaya mengurangkan penggunaan plastik sekali guna melalui kempen penggunaan bekas makanan dalam kalangan pelajar.

Program yang dikenali sebagai TAPAU dengan kerjasama JHEPA, ini telah berlangsung di Masjid Al-Mursyiddin, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan menerima sambutan yang amat menggalakkan apabila seramai kira-kira 800 orang pelajar hadir dengan membawa bekas makanan masing-masing.

Inisiatif ini bertujuan memupuk kesedaran terhadap kepentingan

mengikut kumpulan yang telah ditetapkan.

Pelbagai aktiviti berkumpul yang berkonsepkan kesukanan dan interaksi sosial telah dijalankan sepanjang program. Aktiviti ini bukan sahaja menguji ketahanan fizikal, malah menekankan elemen komunikasi berkesan, kepimpinan dan kerjasama antara ahli kumpulan. Suasana di padang jelas meriah apabila peserta saling memberi sokongan dan semangat tanpa mengira jurusan atau semester.

Menurut Pengarah Program PERKOM Unity Day 2025, penganjuran ini dirancang khusus bagi merapatkan jurang antara pelajar junior dan senior. "Program ini memberi peluang kepada pelajar Semester 1 untuk berinteraksi secara langsung dengan pelajar Semester 3 dan 5. Melalui pendekatan santai seperti ini, hubungan menjadi lebih mesra dan tidak terlalu formal," katanya.

menjaga kelestarian alam sekitar serta mengurangkan pencemaran plastik di kampus, khususnya dalam kalangan warga pelajar. Melalui kempen ini, pelajar digalakkan untuk mengamalkan gaya hidup mesra alam dengan menggunakan bekas makanan sendiri bagi menggantikan penggunaan plastik pakai buang.

Menariknya, program ini turut melibatkan kerjasama strategik bersama pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Kaunseling yang membantu dalam penyediaan dan pengagihan makanan kepada para pelajar. Makanan yang diagihkan ialah ayam gepuk yang disediakan khas sebagai tarikan utama bagi menggalakkan penyertaan pelajar dalam program tersebut.



Aplikasi AI dalam Pemasaran Digital: UPSI Perkasa Usahawan Mikro Meraih Manfaat

Tanjong Malim - Usaha memperkasa keusahawanan mikro melalui teknologi kecerdasan buatan (AI) terus diperkukuh apabila Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) berjaya melaksanakan Program Pindahan Ilmu Keusahawanan Digital: AI dalam Pembangunan Konten Kreatif Pemasaran menerusi modul inovatif bertajuk "Konten Padu, Jualan Lajuuuu".

Program yang berlangsung di The Space, Batang Kali ini melibatkan penyertaan seramai 45 orang peserta, terdiri daripada Sahabat AIM, staf AIM dan wakil UPSI. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan keupayaan usahawan mikro, khususnya golongan B40 dan usahawan wanita luar bandar dalam menghasilkan kandungan pemasaran digital yang kreatif, kos rendah dan berimpak tinggi terhadap penajaan jualan.

Sepanjang program, peserta didedahkan kepada penggunaan AI seperti ChatGPT untuk penulisan ayat promosi, Canva dan AI untuk reka bentuk visual, serta teknik fotografi dan penyuntingan menggunakan telefon pintar. Pendekatan latihan secara praktikal ini membolehkan peserta

menghasilkan bahan pemasaran digital yang lebih menarik, profesional dan konsisten.

Menurut Dr. Norsamsinar Samsudin, selaku Ketua Program Pindahan Ilmu Keusahawanan, program ini dirangka sebagai satu inisiatif pindahan ilmu yang berimpak tinggi dan mampan. Objektif utama program ini bukan sekadar memperkenalkan teknologi AI, tetapi memastikan usahawan mikro benar-benar mampu mengaplikasikan kemahiran tersebut dalam perniagaan harian mereka.

Modul 'Konten Padu, Jualan Lajuuuu' dibangunkan secara langkah demi langkah agar peserta boleh terus menghasilkan konten pemasaran yang efektif walaupun dengan sumber dan bajet yang terhad,"

Beliau turut menegaskan bahawa kolaborasi antara UPSI dan AIM membuktikan peranan universiti sebagai pemangkin pembangunan komuniti melalui pindahan ilmu yang bersifat praktikal dan berorientasikan keperluan sebenar masyarakat.

Penyataan ini disokong oleh Puan Nor Atiqah binti Hashim, Penolong Pengurus Cawangan AIM

Cawangan Hulu Selangor/ Tanjong Malim yang berpendapat program ini memberi nilai tambah yang besar kepada usahawan kecil AIM. Menurut beliau lagi;

"Latihan berasaskan AI ini sangat relevan dengan keperluan semasa usahawan mikro. Ramai peserta sebelum ini kurang yakin menggunakan teknologi digital, namun melalui modul yang praktikal dan mudah difahami ini, mereka kini lebih berani menghasilkan konten sendiri untuk memasarkan produk. Pendekatan *hands-on* yang digunakan membantu peserta terus mempraktikkan ilmu tanpa bergantung sepenuhnya kepada pihak luar," jelas beliau.

Melihat kepada impak positif program, pihak penganjur merancang untuk memperluaskan pelaksanaan modul ini ke pusat-pusat AIM lain serta membangunkan kursus lanjutan yang memfokuskan kepada strategi pemasaran digital dan penggunaan AI pada tahap yang lebih tinggi.

Inisiatif ini menyokong aspirasi Malaysia MADANI dengan memperkasa usahawan mikro melalui pembangunan keupayaan digital, penguasaan teknologi dan amalan keusahawanan beretika.

